

20/07/2005

Umno-Wanita (Peribadi)

MOHON MAAF TERLALU PERIBADI, KATA PERWAKILAN WANITA UMNO

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Beberapa perwakilan Wanita Umno berpendapat ketua pergerakan itu Datuk Seri Rafidah Aziz tidak perlu memohon maaf kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung isu permit import (AP).

Mereka juga menyatakan bahawa perkara itu haruslah diselesaikan antara Rafidah dan Dr Mahathir kerana ia adalah terlalu peribadi memandangkan hubungan mereka berdua yang rapat.

Seorang perwakilan dari Pahang yang enggan namanya disiarkan berkata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu tidak membuat kesilapan tetapi jawapannya berhubung isu AP, yang dianggap oleh sesetengah pihak sebagai telah menyinggung perasaan Dr Mahathir, hanyalah untuk memberi penjelasan berhubung isu berkenaan.

Sementara itu, Datuk Maznah Hamid, yang juga Ketua Wanita Umno Bahagian Jerlun, berkata beliau tidak mahu mana-mana pihak menggunakan isu itu untuk tujuan tidak baik kerana ia tidak memberi manfaat kepada sesiapa.

Katanya soal meminta maaf ialah satu perkara yang peribadi antara dua orang yang saling menyayangi dan menghormati antara satu sama lain dan tidak seharusnya dicampuradukkan dengan perkara lain.

Maznah berkata adalah tidak wajar isu AP dijadikan kemelut kerana orang harus menilai pengorbanan Rafidah kerana "portfolio beliau bukan hanya untuk menjaga AP".

"Topik AP ini memang menjadi minat ramai orang dan selepas ini mungkin beliau menjadi lebih bijaksana dalam pengagihannya," katanya.

Jangan kerana perkara sebegini, segala kebaikan Rafidah dilupai kerana agak sukar untuk mencari wanita yang sehebat beliau, tegas Maznah.

-- BERNAMA

SHO MKO KHY